

R GB 22-09 00181 BH971

bah

MAHATHIR MAHU ANGGOTA UMNO SENTIASA BERI KERJASAMA

Mahathir - Kerjasama

KUANTAN, 22 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua anggota UMNO supaya sentiasa memberikan kerjasama erat kepada kerajaan bagi mengatasi cabaran yang bakal ditempuhi.

Dalam kata-kata aluannya sempena Konvensyen UMNO Pahang di Bentong Ahad ini, Perdana Menteri berkata, kerjasama daripada anggota parti itu lebih diperlukan dalam usaha untuk mencapai cita-cita parti dan kerajaan.

Negara, katanya, akan menghadapi pelbagai cabaran yang besar dan hebat dalam usahanya mengorak langkah menuju tahap yang bertepatan dengan Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Mengenai konvensyen itu, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, berkata, ia akan memberi peluang kepada para peserta meninjau sumbangan mereka kepada parti, rakyat, negara dan agama, selain mencari arah dan garis panduan bagi meneruskan peranan, tanggungjawab dan wawasan untuk bangsa pada masa depan.

+Saya berharap konvensyen ini akan menyumbang ke arah pemantapan perjuangan parti demi kepentingan semua. Asas yang kukuh dan kuat akan memberikan kesinambungan kepimpinan bangsa bagi generasi yang akan datang,+ katanya. -- Lagi

▼22/09/16-58MST

R GB 22-09 00150 BH972

bah

Mahathir - Kerjasama 2 (Akhir) Kuantan

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, yang juga Timbalan Presiden UMNO, pula berharap konvensyen akan membolehkan semua anggota parti untuk mengkaji dan merangka dasar-dasar bagi kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

+Harapan kita semua agar kekuatan dan kestabilan politik sentiasa meningkat hingga mantap dan utuh, bagi menghadapi masa depan yang lebih mencabar,+ katanya.

Menteri Besar, Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, berkata, matlamat Perhubungan UMNO negeri menganjurkan konvensyen itu ialah bagi membincangkan perkara-perkara pokok yang berlaku di peringkat negeri.

Pengerusi Pengelola konvensyen itu, Encik Adnan Yaakob memberitahu persidangan akhbar di sini hari ini, kira-kira 1,000 anggota parti dijangka menghadiri konvensyen sehari itu, yang antara lain akan membahaskan satu ucapan dasar oleh Khalil.

Sehari sebelum itu, Pergerakan Pemuda UMNO Pahang akan mengadakan konvensyennya yang akan dirasmikan oleh Khalil. -- Bernama